

1047

## ELEMEN KOMUNIKASI BAPA DALAM SURAH LUQMAN

Safinah Ismail

Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam ,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[safinah@kuis.edu.my](mailto:safinah@kuis.edu.my)

0193591981

### ABSTRAK

*Elemen-elemen komunikasi berlaku dalam proses komunikasi. Antara elemen-elemen nya iaitu sumber, penerima, saluran, mesej, maklum balas, gangguan dan maklum awal. Kajian ini bertujuan mengkaji elemen komunikasi yang terdapat dalam surah Luqman. Metod kajian adalah kualitatif menggunakan analisis kandungan dalam tafsir al-Quran . Dapatan kajian menunjukkan dalam surah Luqman terdapat beberapa elemen iaitu Allah SWT sebagai sumber Luqman sebagai penyampai iaitu sumber kedua, anaknya sebagai penerima, saluran yang digunakan adalah nasihat dengan bahasa yang indah dan panggilan yang baik. Mesej yang di bawa merangkumi akidah(jangan mensyirikkan Allah), ibadah(solat) dan akhlak(sabar, jangan bongkak, perlahankan suara dan sebagainya). Luqman merupakan contoh bapa yang disebut dalam al-Quran sebagai panduan kepada bapa-bapa masakini agar terus memberi nasihat kepada anak-anak.*

**Kata Kunci:** *elemen, komunikasi, bapa , surah Luqman, al-Quran*

### 1.0 Pengenalan

Dalam Islam, ibu bapa adalah orang yang terpenting dalam hidup anak-anak. Sikap ibu bapa yang positif akan melahirkan generasi anak-anak yang positif. Bapa sebagai ketua keluarga memikul tanggungjawab memimpin anak-anak agar menjadi insan yang berjaya dunia dan akhirat. Oleh itu, mewujudkan suasana keluarga yang positif , ia perlu melalui komunikasi yang positif (Robitoh Widi Astuti 2011). Proses komunikasi berlaku dengan adanya elemen. Elemen ini penting bagi menentukan kejayaan sesuatu komunikasi. Antara elemen-elemen nya iaitu sumber (source), penerima (receiver), saluran (channel), mesej (message), maklum balas (feedback), gangguan (noise), rangka rujuk (frame of reference), dan maklum awal. Elemen komunikasi penting dalam proses komunikasi kerana elemen ini saling lengkap melengkapi antara satu sama lain(Rezki Perdani dan Sapora Sipon 2010) bagi memastikan keberhasilan dalam komunikasi atau sebaliknya. Bapa bertanggungjawab membimbing dan mendidik anak-anak terhadap aspek utama dalam Islam(Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah, 2015). Kajian ini bertujuan mengkaji elemen komunikasi yang terdapat dalam surah Luqman. Luqman merupakan contoh bapa yang disebut dalam al-Quran sebagai panduan kepada para bapa masakini agar terus memberi nasihat kepada anak-anak.

### 2.0 Al-Quran Dalam Perbahasan Komunikasi Antara Bapa Dan Anak

Bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam institusi keluarga. bapa sebagai ketua keluarga perlu mencontohi personaliti kebaapaan para nabi dan generasi soleh sebelumnya agar peranan dan tanggungjawab dapat diuruskan dengan sebaiknya(Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah, 2015). Bapa adalah role model lelaki untuk anak lelaki mereka. Mereka adalah ‘trendsetter’. Tugas seorang bapa ini telah Allah beritahu melalui surah At-Tahrim: 6 “Wahai orang-orang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari

api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar; terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan” (Mohammad Qayyum Bin A. Badaruddin, 2015). Bapa perlu memberi bergaul dengan penuh kasih sayang terhadap anak-anak kerana ia memberi pengaruh yang amat besar dalam pembentukan jiwa anak-anak .

Terdapat tokoh tokoh ayah dalam al-Qur’an, seperti Nabi Ibrahim, Ya’kub, Ismail, Nuh, Zakaria, Nabi Muhammad SAW, Luqman . Hal ini menjadi isyarat bahawa ayah mempunyai peranan penting dalam berkomunikasi dengan anak. Penekanan Al-Quran aspek komunikasi antara bapa dengan anak di sebutkan dalam beberapa ayat antaranya Nabi Ibrahim A.S sebagai seorang ayah terdapat dalam surah as Soffat ayat 100-102, Syaikh Madyan sebagai ayah terdapat dalam surah Qasas ayat 26-27, Nabi Ya’kub dalam surah Yusuf ayat 5, 18,83,87 dan suarah al-baqarah ayat 133. Nabi Nuh dalam surah Hud ayat 42-43 dan begitu juga peranan Luqman sebagai ayah diungkapkan dalam surah Luqman ayat 13-19(Rahmi 2015), Nabi Zakaria dalam surah Ali Imran ayat 38, al anbiya ayat 89-90, surah Maryam ayat 4-6. Manakala nabi Muhammad SAW dalam surah Taha ayat 132 dan surah Tahrim ayat 6(al Qahtahi, 2015).

### **3.0 Pengertian**

#### **3.1 Elemen**

Elemen diertikan sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur(Kamus Dewan edisi 4) Ia merupakan unsur –unsur penting dalam sesuatu perkara.

#### **3.2 Komunikasi**

Komunikasi adalah satu proses bagaimana individu berkongsi pengalaman dan berhubung dengan seseorang .Setiap individu mempunyai pengalaman yang berbeza.Apabila seseorang menyampaikan pengalamannya kepada orang lain, itu dinamakan komunikasi(Rezki Perdani Sawai & Sapora Sipon 2010).

Istilah "komunikasi" telah diperolehi dari bahasa Latin "komunis," yang bermaksud "biasa". Oleh itu, "untuk berkomunikasi" bermaksud "untuk membuat persamaan" atau "untuk diketahui", "untuk berkongsi" dan termasuk lisan, interaksi manusia tanpa lisan dan elektronik. Ia adalah pertukaran maklumat yang bermakna antara dua atau sekumpulan orang. Selain itu, definisi komunikasi juga adalah apa-apa perbuatan oleh seseorang dalam memberi atau menerima maklumat daripada orang lain tentang keperluan, keinginan, persepsi, pengetahuan, atau keadaan afektif. Komunikasi mungkin disengajakan atau tidak disengajakan, mungkin melibatkan isyarat konvensional atau tidak konvensional, boleh mengambil bentuk linguistik atau bukan linguistik, dan mungkin berlaku melalui cara bercakap atau lain-lain. Pertukaran idea dan pendapat boleh diperolehi dengan gerak isyarat, tanda, isyarat, ucapan atau tulisan (John Velentzas dan Georgia Broni 2014).

Komunikasi merupakan satu dialog dan kerjasama dalam pelbagai aspek dan hubungan antara anggota keluarga khususnya antara ibu bapa dan anaknya. Komunikasi keluarga adalah komunikasi atau interaksi terjadi diantara ibu bapa dengan anaknya agar memberikan kesan, keinginan, sikap, pendapat, dan pengertian yang berlandaskan rasa kasih sayang, kerjasama, penghargaan, kejujuran, kepercayaan dan keterbukaan di antara(Putra, Fajar Pamukti 2010).

Komunikasi dalam pengertian Islam mempunyai nilai yang dikaitkan dengan baik dan buruk, diperintah oleh Allah SWT seperti mana melalui beberapa prinsip yang mempunyai hubungan dengan akhlak, adab, bercakap besar dan sebagainya (Hashim Fauzy Yaacob 2001).

Komunikasi ialah satu proses pertukaran maklumat di antara penyampai dan penerima maklumat di kalangan pelbagai pihak. Seterusnya, menurut Greenberg dan Baron mendefinisikan komunikasi itu sebagai suatu proses di mana individu, kumpulan dan organisasi bertindak sebagai penyampai yang menghantar sesuatu maklumat kepada seseorang individu, kumpulan atau organisasi yang lain yang dipanggil sebagai penerima mesej (Ab. Aziz Yusof 2003).

### **3.3 Bapa**

Bapa bermaksud seorang ayah kepada anak. Peranan dan tanggungjawab seorang bapa amatlah dititikberatkan dalam agama Islam kerana itulah pentingnya komunikasi bapa terhadap anak-anak dalam mendidik, mengajar dan membentuk anak-anak. Rasulullah s.a.w. bersabda “Sesungguhnya termasuk hak seorang bapa terhadap anaknya ialah mengajarnya menulis, mempercantikkan namanya dan mengahwinkannya apabila dia telah baligh (cukup umur). Ayah adalah seorang pemimpin dalam keluarga dan dia bertanggung jawab untuk memelihara keluarganya, terutama anaknya dari api neraka (Rahmi 2015). Bapa sering dikaitkan dengan ketegasan, tanggungjawab kepimpinan dan saraan hidup serta perlaksanaan disiplin di kalangan anak-anak.

### **4.0 Elemen Komunikasi**

Elemen-elemen komunikasi berlaku dalam proses komunikasi. Model Laswell (1948) adalah model asas yang dibina dalam proses komunikasi yang terdiri daripada elemen berikut iaitu sumber (*source*), penerima (*receiver*), saluran (*channel*), mesej (*message*). Kemudian dikembangkan oleh sarjana yang lain seperti Berlo, Scharm (1960) dan seterusnya dikembangkan oleh para sarjana selepas itu seperti Shannon dan Weaver (Zulkiple Abd Ghani dan Saiful Azry Mokhtar 2011). Menurut model komunikasi oleh Shannon dan Weaver, elemennya adalah sumber maklumat, transmitter, saluran, penerima, destinasi, gangguan dan mesej. Model penghantaran komunikasi tersebut menunjukkan bahawa komunikasi itu selari dan mudah serta ia bergerak hanya dalam satu arah (Archee 2013)

Antara elemen-elemennya iaitu sumber (*source*), penerima (*receiver*), saluran (*channel*), mesej (*message*), maklum balas (*feedback*), gangguan (*noise*), rangka rujuk (*frame of reference*), dan maklum awal (Zulkefli Aini 2016). Terdapat dua elemen penting dalam setiap komunikasi iaitu penyampai dan penerima dalam sesuatu proses komunikasi (Akua Ahya Adu-Oppong dan Emmanuel Agyin-Birikorang 2014).

### **4.1 Sumber**

Mesej bermula dengan sumber atau komunikator. Sumber dikenali sebagai pengirim atau komunikator (Nordquist 2017). Ia juga boleh terdiri daripada orang perseorangan, sesuatu kumpulan dan sesebuah organisasi (Thomas M. Pasqua, Jr et al 1990). Sumber dikenali sebagai pengirim. Ia juga boleh terdiri daripada orang perseorangan, sesuatu kumpulan dan sesebuah organisasi. Sumber menentukan pemahaman, keyakinan, kepercayaan dan penerimaan khalayak terhadap sesuatu maklumat. Sumber berperanan memimpin pendapat untuk membuat sesuatu keputusan.

Apabila dilihat dalam komunikasi Islam, Allah swt adalah sumber yang mutlak kerana Dia merupakan punca sesuatu utusan.(Zulkiple Abd Ghani dan Saiful Azry Mokhtar 2011. Manakala sumber lain dianggap sebagai penyampai kerana mereka menyampaikan risalah Allah SWT.

#### **4.2 Penerima**

Dalam komunikasi antara manusia, penerima atau dikenali dalam dakwah sebagai sasaran dakwah merupakan pihak yang penting. Dalam komunikasi antara manusia, penerima merupakan pihak yang penting.Penerima mengambil informasi daripada media(Thomas M.Pasqua, Jr et al 1990).Seseorang yang secara terus menerima maklumat daripada penyampai dan menginterpretasikannya(Nordquist 2017)

#### **4.3 Saluran**

Saluran atau media merupakan alat atau perantara yang digunakan untuk memindahkan isyarat dan transmitter kepada penerima(Werner J.Severin & James W.tankard Jr. 1998). Pemilihan saluran dalam komunikasi memainkan peranan yang penting kerana ia menyumbang kepada ketepatan sesuatu maklumat komunikasi. Saluran boleh menentukan sama ada komunikasi itu berlaku sehala atau tidak. Ia dapat menentukan maklum balas dan menentukan keberkesanan. Mesej dapat diperolehi dari pelbagai saluran. Manusia menjadikan ia sebagai medium untuk mencapai tujuan(ThomasM.Pasqua et al 1990).

Saluran terbahagi kepada beberapa bentuk:

- 4.1.1 Saluran bersemuka – interpersonal.
- 4.1.2 Saluran perantara – televisyen atau radio.
- 4.1.3 Saluran melalui mesej tanpa lisan – bahasa isyarat.

##### **a. Saluran bersemuka:**

Sering digunakan oleh sumber. Melalui saluran seseorang dapat menyampaikan mesej dengan jelas, mendapatkan tindak balas yang cepat, membujuk, mendidik.

Contohnya pensyarah atau penceramah memberi kuliah, kaunselor memberikan kaunseling dan bimbingan. Maklum balas yang diperolehi adalah cepat.

##### **b. Saluran perantara:**

Melalui media massa seperti :Media elektronik, televisyen, radio, internet, email, telefon, video, komputer. Komputer memberi peluang kepada pengguna memilih maklumat dan aktiviti dari video dan program.(ThomasM.Pasqua et al 1990). Ia juga boleh melalui media cetak seperti akhbar, majalah, buku, jurnal dan sebagainya(Paul Long & Tim Wall 2009)

#### **4.4 Mesej**

Mesej merupakan intipati dalam proses komunikasi. Mesej boleh berbentuk lisan atau kata-kata bertulis(Werner J.Severin & James W.tankard Jr. 1998) dan bukan lisan seperti pergerakan badan, mimik muka, sentuhan, pemakaian,(Judy C. Pearson et al 2008; Stephen W.Littlejohn 1978), simbol-simbol(ia mungkin verbal dan non verbal dan selalunya menggabungkan keduanya(Robert L.Kelley 1977) atau bentuk yang lain bagi menyampaikan sesuatu makna. Mesej ada yang tersurat dan ada yang tersirat. Mesej berlaku melalui lisan dan bukan lisan. Mesej menerangkan sesuatu perkara yang telah dirancang oleh sumber untuk mengubah sikap dan tingkah laku penerima (Miller, Katherine 2001). Mesej yang disampaikan perlu disesuaikan dengan penerima dan tafsirannya berbeza mengikut budaya dan kepercayaan masing-masing.

#### **4.5 Maklum Balas**

Maklum balas merujuk kepada reaksi penerima apabila menerima sesuatu mesej daripada sumber. Terdapat dua maklum balas kategori asas iaitu verbal dan non verbal. Contohnya apabila guru mengajar dan pelajar memberi jawapan berdasarkan soalan guru, ia adalah maklum balas verbal. Manakala jika pelajar nampak bosan ketika belajar ini menunjukkan maklum balas bukan lisan (W.A Mambert 1971).

#### **4.6 Maklum awal**

Usaha mendapatkan maklumat untuk dijadikan asas perancangan sebelum dibuat penyebaran mesej, utusan dan maklumat. Ia penting bagi mendapatkan maklumat yang sesuai agar maklumat yang diberikan lebih berkesan

#### **4.7 Gangguan**

Dalam proses komunikasi mungkin terdapat beberapa gangguan yang boleh menyebabkan penerima tidak dapat menerima mesej dengan jelas seperti mana yang disampaikan oleh sumber (Tommy Suprpto 2008). Jenis gangguan seperti gangguan saluran, gangguan fizikal, gangguan semantic. Gangguan saluran berlaku apabila keadaan saluran mengakibatkan utusan tidak dapat diterima dengan jelas/tepat. Contohnya gangguan serangga: lalat, terbatuk, terbersin, gangguan alat pembesar suara. Gangguan fizikal pula adalah punca gangguan datang daripada persekitaran seperti sedang berbual, bising bunyi kenderaan. Manakala gangguan semantic berlaku apabila penerima salah faham atau kurang faham apa yang dinyatakan oleh sumber. Punca adalah kerana berbeza dari sudut rangka rujuk atau tahap pengetahuan atau latarbelakang pendidikan

#### **4.8 Rangka Rujuk**

Rangka rujuk merupakan pengalaman dan pengetahuan seseorang dalam sesuatu peristiwa atau bidang. Ia memberikan impak kepada komunikasi. Rangka rujuk yang sama antara sumber dengan penerima boleh menyumbang kepada keberkesanan sesuatu komunikasi. Jika sumber dan penerima tidak mempunyai rangka rujuk yang sama, komunikasi akan menjadi kurang berkesan (Zulkiple Abd Ghani dan Saiful Azry Mokhtar 2011)

#### **5.0 Elemen Komunikasi Bapa Dalam Keluarga**

Kemampuan komunikasi awal bagi perkembangan anak berada di peringkat keluarga. Keluarga yang memiliki budaya berkomunikasi yang baik akan membina hubungan yang baik dalam membina kecerdasan anak-anak. Komunikasi merupakan suatu keperluan bagi anak. Dengan adanya komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak, menunjukkan penerimaan ibu bapa terhadap anaknya (Yenny Wijayanti 2013). Bagi sesebuah keluarga, elemen ini berlaku dalam komunikasi.

Terdapat elemen-elemen komunikasi yang diterapkan dalam komunikasi oleh ibu bapa terhadap anak dalam keluarga (Rezki Perdani Sawai & Sapora Sipon 2010). Dalam komunikasi keluarga, sumber komunikasi adalah Allah SWT, manakala manusia adalah penyampai atau pengirim informasi atau dikenali juga sebagai komunikator. Dalam perbincangan ini bapa merupakan penyampai, anak-anak sebagai penerima (komunikan), mesej, rangka rujuk, gangguan, maklum balas dan maklum awal tetap berlaku. Mesej pula adalah maklumat yang disampaikan dalam proses komunikasi dalam keluarga dapat dilakukan dengan menatap muka apabila di rumah ataupun melalui media komunikasi apabila tiada di rumah. Mesej merupakan ilmu pengetahuan, hiburan, informasi, atau nasihat yang berguna dan sebagainya. Elemen seterusnya adalah iaitu alat yang digunakan untuk

memindahkan mesej dari sumber kepada penerima. Terdapat beberapa saluran atau media komunikasi. Media komunikasi utama untuk komunikasi dalam keluarga adalah pancaindera manusia ketika anggota keluarga bertemu secara bersemuka (interpersonal). Selain pancaindera manusia, ada juga saluran komunikasi yang dapat digunakan ketika anak-anak tidak dapat bertemu iaitu melalui surat, telefon, telegram dan whatsapps, intagram dan lain-lain. Manakala penerima adalah pihak yang menjadi sasaran dakwah. Di dalam keluarga, penerima mesej adalah anak-anak (Putra Fajar Pamukti 2010).

Ibu bapa perlu berkomunikasi dengan anak-anak bagi memberi nasihat dan bimbingan sama ada hal yang berkaitan agama, akademik, kehidupan dan masalah peribadi. Pada masa yang sama perlu komunikasi hati ke hati iaitu memahami jiwa atau internalisasi bagi membentuk suatu kepercayaan (Sidek Baba 2010). Memberi nasihat ketika rekreasi, atas kenderaan, dalam perjalanan, ketika makan dan ketika sakit. Pemberian nasihat perlu waktu yang tepat dan sikap yang bijaksana, jauh dari kekerasan dan kebencian. Ini penting bagi menimbulkan dan menanam rasa percaya diri pada anak. Kepercayaan diri dapat melahirkan keperibadian yang unggul dengan keyakinan yang kuat terhadap apa yang pernah dilakukan. Jauh dari ketergantungan dengan orang lain, punya sikap kepercayaan dalam diri anak-anak (Nur Wahidah Zambri 2011).

Ketika komunikasi berlangsung, proses dialog, pertukaran pendapat dan penyampaian nilai akan dibawa oleh ibu bapa. Nilai-nilai tersebut terus dilakukan bagi mempertahankan dari generasi ke generasi. Walau bagaimana pun, interaksi ayah akan memengaruhi anak dengan cara yang berbeza dengan ibu (Firdanianty 2016).

## **6.0 Latar Belakang Luqman Al-Hakim**

Luqman Al- Hakim merupakan seorang yang kuat dan berani. Beliau ialah seorang hamba Allah yang soleh, bahkan banyak dalam riwayat sahih menyatakan bahawa beliau mempunyai bentuk fizikal yang tidak cantik seperti hidung yang pesek, berkulit hitam legam dan lain- lain. Sa'id bin al-Musayyib juga menyatakan bahawa Luqman termasuk orang berkulit hitam dari Mesir, akan tetapi beliau sangat mulia, dan Allah memberikan hikmah kepadanya, dan Luqman menolak untuk diangkat sebagai Nabi. Seorang lelaki berkulit hitam datang mengadu kepada Said bin al-Musayyib. Sa'id kemudian berkata: "Janganlah bersedih lantaran kulit kamu hitam, kerana di antara manusia pilihan itu, ada tiga orang semuanya berkulit hitam iaitu Bilal bin Rabbah, Mihja' iaitu hamba Sayidina Umar bin Khatab dan Luqman Al- Hakim" (Wan Nurulhuda Wan Jusoh. 2011).

Dalam sejarah ada menyebut tentang keturunannya iaitu Ibnu Ishak telah menyatakan bahawa Luqman Al- Hakim bernama Luqman bin Bau'raa bin Nahur bin Tareh, dan Tareh bin Nahur merupakan nama dari Azar, iaitu ayah kepada Nabi Ibrahim a. s. Dalam riwayat yang lain pula, nama panjang Luqman ialah Luqman bin Unaqa' bin Sadun. Wahab bin Munabbih pula ada menyatakan bahawa Luqman adalah anak lelaki daripada adik perempuan kandung Nabi Ayyub a.s. Muqatil pula menuturkan bahawa Luqman adalah anak lelaki dari orang gajinya Nabi Ayyub a.s. Imam Zamakhsyari pula menguatkan lagi dengan menyatakan bahawa beliau adalah Luqman bin Bau'raa anak lelaki daripada adik perempuan Nabi Ayyub. ". (Arif Rahman. 2010) Riwayat lain pula ada menyatakan bahawa Luqman Al- Hakim adalah cicit kepada Azar iaitu ayahnya Nabi Ibrahim a.s. Luqman Al- Hakim hidup selama 1000 tahun. Beliau hidup sezaman dengan zaman Nabi Daud, bahkan gurunya sendiri ialah Nabi Daud. Sebelum Nabi Daud diangkat menjadi Nabi, Luqman Al- Hakim sudah menjadi mufti pada masa itu. Selain itu, Luqman Al- Hakim juga merupakan tempat nasihat dan tempat

perbincangan Nabi Daud a.s. Ibnu Abbas dan Mujahid pula menyatakan bahawa beliau merupakan keturunan Habsyi. Demikianlah banyak riwayat tentang keturunan beliau(Arif Rahmi 2010).

Al-Quran menceritakan kisah seorang lelaki bernama Luqman Al-Hakim yang merupakan seorang lelaki yang hidup sederhana, tanpa harta yang melimpah ruah, namun beliau mampu melaksanakan kewajibannya sebagai seorang ayah dengan baik. Luqman membekali anak-anaknya dengan nasihat-nasihat yang hebat dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan iaitu akidah, syariah dan akhlak agar anaknya bahagia bukan hanya di dunia tetapi juga di akhirat (Suci Husniani Mubaroq 2012)

Kisah Luqman seorang bapa yang taat kepada agama dengan menasihati anak-anaknya supaya taat kepada ajaran agama serta taat dengan perintah dan larangan Allah S.W.T. Luqman merupakan seorang bapa yang tidak pernah jemu menasihati anak-anaknya Setiap nasihat daripadanya sentiasa diselitkan tentang hal-hal seperti bersyukur sentiasa kepada Allah kerana siapa yang bersyukur kepada Allah bermakna dia bersyukur untuk dirinya sendiri.

Para ahli sejarah berbeza pendapat tentang pekerjaan beliau. Sebahagian riwayat menyatakan bahawa pekerjaannya adalah tukang jahit. Sebahagian yang lain pula menyatakan pekerjaan beliau adalah tukang kayu, dan sebahagian yang lain pula menyatakan pekerjaan beliau adalah tukang kayu bakar, dan sebahagian riwayat yang terakhir menyatakan pekerjaan beliau adalah sebagai penggembala kambing. Riwayat lain pula menyatakan bahawa Luqman Al-Hakim adalah qadhi pada masa Bani Israil, sekaligus penasihat Nabi Daud a.s. Khalid Ar-Rib'i pula menyatakan bahawa Luqman Al- Hakim adalah seorang hamba dari Habsyi yang pekerjaannya adalah sebagai tukang kayu(Arif Rahman 2010). Antara hikmah yang diberikan oleh Allah kepada Luqman Al- Hakim adalah ilmu, keagamaan, ketepatan dalam perkataan, dan lain- lain. Luqman Al- Hakim ialah seorang hamba Allah yang diberikan hikmah oleh Allah SWT. Khalid Ar- Rib'i menyatakan tentang pekerjaan Luqman Al- Hakim berdasarkan kisah tersebut (Wan Nurulhuda Wan Jusoh, 2011).

Dalam sejarah, Luqman Al- Hakim telah berkahwin dan dikurniakan ramai anak. Tetapi, semua anaknya meninggal dunia ketika masih kecil dan tidak ada yang sampai dewasa. Namun, Luqman Al- Hakim tidak menangis kerana hidupnya yang sudah yakin terhadap Allah. Namun demikian, namanya diabadikan oleh Allah dalam salah satu surah al-Quran, iaitu surah Luqman. Allah meletakkan kisah Luqman Al- Hakim agar manusia dapat mengambil manfaat dan pengajaran(Arif Rahman, 2010).

## 7.0 Elemen Komunikasi Dalam Kisah Luqman Al Hakim

Di dalam Surah Luqman ini, ianya mengisahkan berkenaan bagaimana corak ibu bapa dalam memberi nasihat berbentuk *Mauizah Hasanah* kepada anak-anak. Kisah ini terdapat di dalam beberapa potong ayat di dalam surah ini iaitu bermula daripada ayat 13 sehingga 19.

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنَيْهِ وَهُوَ يُعْطِيهِ وَيُنَبِّئُ لَمْ يَشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ۝ ١٣ وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ ۝ وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ۝ ١٤ وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۝ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفٌ ۝ وَأَتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ۝ ١٥ يٰبُنَيَّ إِنَّهُ إِنْ تَكُ مِتَّ فَبِئْسَ الْكَبِيرَ ۝ مَنْ خَرَجَ ۝ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَاوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ۝ ١٦ يٰبُنَيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَآمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ۝ ١٧

نُصِرَ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ □ ۱۸ وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ۱۹

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar. Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau dengan fikiran sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi. Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya. Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.”

Luqman(31) :13-19

Sumber (Source)	Komunikator	Penerima (Receiver)	Saluran (Channel)	Mesej (Message),
Allah SWT	Luqman	Anaknya	Nasihat yang lembut  Bahasa yang indah  Panggilan mesra(bunayya)	(13 sehingga 19) Akidah- tauhid, persoalan hari Akhirat , jangan syirikkan Allah Ibadah- solat Akhlak- syukur kepada ibu bapa , sabar dan jangan bongkak Dakwah- amar ma'ruf nahi mungkar,

Dalam ayat ini, terdapat elemen komunikasi dipaparkan iaitu Allah SWT sebagai sumber mutlak bagi sesuatu kerana meseja ini adalah daripada Allah SWT. Luqman Al-



Hakim sebagai penyampai dalam komunikasi atau dikenali sebagai komunikator manakala salurannya adalah nasihat kepada anaknya(receiver) berkaitan beberapa mesej penting dalam agama. Sayyid Qutb(1992) berpendapat bahawa tindakan Luqman Al-Hakim memberi nasihat kepada anaknya itu merupakan sebuah tindakan yang bijak, bersih dari cacat cela kerana Luqman telah dikurniakan kebijaksanaan. Nasihat adalah saluran yang digunakan oleh Luqman sebagai seorang bapa kepada si anak.

Antara mesej yang menjadi tema nasihat beliau adalah akidah (tauhid) iaitu tidak mensyirikkan Allah SWT, persoalan hari Akhirat dan disertai dengan penerangan-penerangan yang meninggalkan kesan di dalam jiwa. Haji Abdul Malik Karim Amrullah dalam tafsir al-Azhar(2007) menyebut bahawa jiwa manusia yang dipenuhi tauhid adalah jiwa merdeka.Sesiapa yang menyekutukan Allah S.W.T, jiwa mereka itu tidak merdeka, bahkan pegangannya akan goyah serta mereka menganiaya diri mereka sendiri kerana mempercayai sesuatu yang tidak kekal. Menyekutukan Allah S.WT dengan melakukan perbuatan syirik itu sebenarnya adalah satu virus. Al-Quran juga menjelaskan asas pertama di dalam persoalan aqidah iaitu hubungan aqidah haruslah dijadikan hubungan yang utama yang di dahulukan di atas hubungan keturunan dan hubungan darah. Walaupun hubungan keturunan dan darah merupakan satu hubungan mesra dan kuat namun ianya merupakan hubungan kedua dari hubungan pertama itu (Sayyid Qutb 1992). Ini berterusan kepada sebuah penerangan yang amat berkesan ketika menggambarkan kebesaran ilmu Allah yang amat halus dan syumul yang membuat hati manusia gementar walau di mana mereka berada. Kemudian Luqman menyambung nasihatnya kepada anaknya. ibadah iaitu mendirikan solat(Khairunnisa 2017).

Nasihat Luqman berkaitan akhlak adalah berbuat baik kepada ibu bapa, merendahkan suara memadai pada kadar keperluan pendengar dan jangan mengeraskan suara pada sesuatu yang tidak bermanfaat, tidak bersifat bohong, dan sabar menghadapi akibat-akibat kesusahan dan kesulitan. Ini merupakan antara adab ketika berkata-kata di samping bercakap ketika perlu (Ahmad Hasan Mohd Nazam 2012). Di samping menyuruh berbuat perkara ma'ruf dan melarang perkarang mungkar serta sabar menanggung kesusahan, beliau juga mengajar adab sopan yang wajib bagi pendakwah kepada Allah S.W.T iaitu jangan bersikap takabur terhadap orang lain kerana ianya akan merosakkan dengan contoh teladan yang baik. Penerangan berkesan kepada jiwa yang menghinakan sikap sombong dan takabur itu dapat dilihat dengan jelas di dalam ayat terakhir itu (Yusoff Zaky Haji Yacob 2000).

Berbuat baik kepada ibu bapa adalah perintah daripada Allah SWT walaupun ibu bapanya berbeza agama. (HAMKA 2007). Nilai keibubapaan yang boleh diambil untuk teladan anak-anak ialah hendaklah sopan dalam berbicara dan tidak berlebihan dalam bertutur. Konsep ini juga berkait rapat dengan etika ketika dalam perbincangan. Dalam pada itu, ibu bapa harus menegaskan kepada anak-anak etika berbicara iaitu tidak merendahkan sesiapa yang diajak bicara atau bertukar fikiran. Ayat ini mengajar konsep berdialog antara sesama manusia (Ibnu Katsir 2000).

Dalam ayat ini HAMKA (2007) mendapati asas pendidikan anak-anak Islam iaitu mengandungi akidah iaitu kepercayaan tauhid, timbulnya rasa merdeka dan bebas dari belenggu kebendaan dan lam.selepas itu dasar dasar dalam keluarga Muslim adalah sikap hormat, kasih sayang dari anak kepada ibu bapa. Cinta tidak berubah tetapi cinta kepada ibu bapa tidak boleh mengalahkan akidah. Nasihat-nasihat yang diberikan oleh Luqman Al-Hakim kepada anak-anaknya dengan ungkapan bahasa amat indah(Muhammad Khair Ramadhan Yusuf 2006) dapat dikatakan bahawa ianya merangkumi kesemua aspek dalam

proses pembentukan sahsiah anak-anak. Bermula daripada hubungan dengan Allah S.W.T, hubungan dengan ibu bapa dan seterusnya perkara-perkara yang wajib di patuhi dan ditinggalkan. Perkara-perkara ini merupakan asas yang haruslah diterapkan oleh setiap ibu bapa kepada anak-anak sejak dari pendidikan awal mereka sehinggalah mereka dewasa kerana ianya merupakan perkara yang harus sentiasa diingatkan dan juga disuntik agar anak-anak tidak lari dari landasan yang dituntut oleh Islam.


Terdapat beberapa pengajaran yang dapat diteladani dari Luqman sebagai bapa iaitu ( Rahmi 2015)

1. Luqman mendidik dengan penuh kasih sayang. Luqman memanggil anaknya dengan “*ya bunayya*” panggilan yang mengisyaratkan kasih sayang dan kemesraan.
2. Luqman mendidik dan menasihati anaknya berterusan tanpa mengeluh, sebagaimana dipahami dari bentuk kata kerja masa kini dan akan datang pada kata **عظ** ”Ini bermaksud Luqman selalu dan tidak pernah bosan dalam mendidik anaknya.
3. Setiap nasihat dan pesanan yang diberikan oleh Lukman diiringi dengan *argument*.
  - (a) Bersyukurlah kepada Allah; siapa yang bersyukur, sesungguhnya dia bersyukur untuk dirinya sendiri.
  - (b) Jangan menyekutukan Allah; hal itu adalah kezaliman yang besar.
  - (c) Berbuat baiklah dan bersyukur kepada orang tua; ibunya telah mengandung dan menyusuinya.
  - (d) Laksanakanlah solat, amar ma’ruf nahi munkar dan sabar; hal itu merupakan perkara yang penting.
  - (e) Jangan sombong; Allah tidak menyukai orang sombong.

Apabila diteliti, banyak model yang terdapat dalam al-Quran. Kajian yang dilakukan oleh Prof Dr Zulkiple Abd Ghani dan Saiful Azri Mokhtar (2011) telah diadaptasi oleh penulis untuk menghasilkan model komunikasi Luqman al-Hakim terhadap anaknya berdasarkan model Komunikasi Dakwah Fardiyah Nabi Ibrahim AS kepada ayahnya Aazar.

Rajah tersebut adalah model yang dihasilkan berdasarkan ayat-ayat al-Quran dari kisah Luqman a-Hakim dengan anaknya. Dalam komunikasi, Allah SWT sebagai sumber multak, manakala Luqman al-Hakim sebagai komunikator. Beliau menggunakan saluran nasihat terhadap anaknya. Anaknya adalah penerima mesej yang ingin disampaikan. Beliau menyampaikan beberapa mesej penting iaitu merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak dan dakwah. Dalam konteks akidah iaitu jangan menyekutukan Allah; hal itu adalah kezaliman yang besar, ibadah pula berkaitan solat. Manakala dakwah berkaitan amar ma’ruf nahi munkar dan terdapat banyak ayat berkaitan akhlak iaitu berbuat baik, jangan sombong, bersyukur, bergaul dengan ibu bapa(yang masih kafir) di dunia dengan cara yang baik. Rajahnya adalah seperti berikut.

Sumber (Source)	Komunikator	Saluran (Channel)	Mesej (Message)	Penerima (Receiver)
--------------------	-------------	----------------------	-----------------	------------------------



## 8.0 Penutup

Elemen-elemen komunikasi berlaku dalam proses komunikasi. Antara elemen-elemennya iaitu sumber (*source*), penerima (*receiver*), saluran (*channel*), mesej (*message*), maklum balas (*feedback*), gangguan (*noise*), rangka rujuk (*frame of reference*), dan maklum awal. Dalam durah Luqman terdapat beberapa elemen yang didapati iaitu Luqman sebagai sumber (*source*), anaknya sebagai penerima (*receiver*), saluran (*channel*) yang digunakan adalah nasihat dengan bahasa yang indah dan panggilan yang baik, mesej (*message*) yang dibawa merangkumi akidah (jangan mensyirikkan Allah), ibadah (solat) dan akhlak (sabar, jangan bongkak, perlahankan suara dan sebagainya). Ini dapat menghasilkan satu model dakwah fardiyah Luqman al-Hakim terhadap anaknya. Dalam model ini didapati bahawa Allah SWT sebagai sumber mutlak bagi sesuatu. Luqman Al-Hakim sebagai penyampai sebagai komunikator manakala salurannya adalah nasihat. Anak-anaknya sebagai penerima (*receiver*). Manakala mesej penting dalam agama seperti akidah, ibadah, akhlak dan dakwah ditekankan dalam mesej tersebut. Luqman merupakan contoh bapa yang disebut dalam al-Quran sebagai panduan kepada bapa-bapa masakin agar terus memberi nasihat kepada anak-anak dengan menggunakan bahasa yang indah di samping memanggil gelaran anak-anak dengan gelaran yang menunjukkan kasih sayang seorang bapa terhadap anak.

## 9.0 Rujukan

Al-Quran

Ahmad Hasan Mohd Nazam. 2012. *Wasiat Luqman Al Hakim*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn Bhd.

C. Pearson Judy, Nelson Paul, Titsworth Scott, Harter Lynn. 2008. *Human Communication*. 3 Edition. New York. The McGraw-Hill Companies.

Firdanianty, Juara Pangihuta Lubis, Herien Puspitawati, Djoko Susanto. 2016. Komunikasi Remaja Dengan Ayah Masih Minim: Studi Pada Siswa SMA DI KOTA BOGOR. *Jur. Ilm. Kel. & Kons.*, p : 124-135: <https://www.researchgate.net/publication/314716592>

Griffin Em. 2006. *A First Look At Communication Theory*. Sixth Edition. New York. The McGraw-Hill Companies.

Gerald L. Pepper. (1995). *Communication in Organizations: A Cultural Approach*. United States: McGraw-Hill.

HAMKA. 2007. *Tafsir Al Azhar Jilid 7*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Hashim Fauzy Yaacob 2001. *Komunikasi antara Manusia*. Skudai: Penerbit UTM press

Holt, Rinehart and Winston. (1978). *Looking out/looking in (2nd ed.)*. New York: Adler, R., & Towne, N.

- Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah. 2015. Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam. *Global Journal al Thaqafah*. VOL 5 ISSUE 2:89-97
- J.Severin Werner, W. Tankard Jr James. *Teori Komunikasi* (Terj) Vincent Lowe, Abdullah Bin Hasan.1988.Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- John Velentzas, Georgia Broni. (2014). Communication Cycle : Definition, process, models and examples. *Recent Advances in Financial Planning and Product Development*. Greece: Technological Institute of Western Macedonia.
- Katherine Miller. (2012). *Organizational Communication: Approaches and Processes*. Stamford: Cengage Learning.
- Khairunnisa Abu Hassan. 2017. *Kaedah Komunikasi Dakwah Ibu Bapa terhadap Anak: Menurut Tafsir Fil-Zilal*. Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Kincaid D.Lawrence & Schramm Wilbur. *Asas-Asas Komunikasi Antara Manusia*.(terj) Agus Setiadi.Cetakan ketiga.Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial (LP3ES)
- L.Kelley Robert. 1977. *Introduction to Communication*. California:Cummons Publishing Company.
- Long Paul & Wall Tim. 2009. *Media Studies Texts*. Production And Context. England
- M.Pasqua Thomas, K.Buckalew Jr, James, Robert E.Rayfield, W.tankard James. 1990. *Mass Media In The Information Age*.New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs)
- Mambert, W.A. 1971.*The Elements of Effective Communication*. Washington: A cropolis Books
- Miller, Katherine 2001. *Communication Theories Perspectives, Proseses and Context*.New York. The McGraw-Hill Companies.
- Mohammad Qayyum Bin A. Badaruddin. 2015
- Muhammad Khair Ramadhan Yusuf 2006 Muhammad Khair Ramadhan Yusuf. 2006. *Kisah Luqman Al-Hakim & Kebijaksanaannya*. Jasmin Enterprise.
- Putra, Fajar Pamukti. (2010). Komunikasi Keluarga Dalam Membentuk Disiplin Anak Remaja. *Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 19.
- al Qahtahi, Said bin Ali bin Wahf. 2015. Muhammad Muhtadi (terj) Panduan Lengkap Tarbiyatul Aulad. Solo: Penerbit Zam Zam.
- Rahmi 2015. Tokoh Ayah Dalam Al-Quran Dan Keterlibatannya Dalam Pembinaan Anak. . Kafa'ah: *Jurnal Ilmiah Kajian Gender* Vol.V No.2
- Raymond Archee, Myra Gurney, & Terry Mohan. (2013). *Communicating As Professionals*. South Melbourne: Cengage Learning Australia.
- Rezki Perdani Sawai & Sapura Sipon 2010. *Permata Berbicara: Komunikasi Dalam Keluarga* .Ed 2.Nilai: Penerbit USIM.
- Richard Nordquist . (18 September , 2017). *The Basic Elements of The Communication Process : Definition, Models, and Examples* . Retrieved from ThoughtCo.: <https://www.thoughtco.com/what-is-communication-process-1689767>
- Sayyid Qutb, 1992. *Fi Zhilalil Quran*. 1412 H/1992 M. Beirut. Kaherah: Darul Syuruq. <http://www.twheed.com/books/sayed-kttp/zelal.pdf>
- Shrum, Judith and Eileen W. Glisan. (2010). *Teacher's Handbook : Contextualized Language Instruction*. Boston : Heinle and Heinle .
- Suci Husniani Mubaroq, 2012. *Konsep Pendidikan Keluarga Dalam Al-Quran, Analisis Method Tafsir Tahlili mengenai Pendidikan Keluarga dalam Al-Quran*, Vol No 1, ms 85-94

- Tommy Suprpto. 2008. *Pengantar Teori dan Manajemen Komunikasi*: Yogyakarta. Med Press.
- W.Littlejohn, Stephen.1978. *Theories of Human Comunication*. Columbus:Charles E.Merrill Company:Pearson Education Limited
- Wan Nurulhuda Wan Jusoh. 2011. *Metodologi Pendidikan Anak Menurut Surah Luqman*.
- Yenny Wijayanti. 2013. Proses Komunikasi Interpersonal Ayah Dan Anak Dalam Menjaga Hubungan. *Jurnal E-Komunikasi*. Vol I. No.3:129
- Yusoff Zaky Haji Yacob. 2000. *Tafsir Fi Zilalil Qur'an (Di Bawah Bayang Al-Quran)-Versi Terjemahan Melayu*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Zulkefli Aini.2016. *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi. Penerbit UKM
- Zulkiple Abd Ghani dan Saiful Azry Mokhtar. 2011.Model Komunikasi Berdasarkan Ayat al-Quran dalam Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad, Noor Adzrah Ramle (pnyt) *Representasi Islam dalam Media*.Bandar Baru Nilai: Penerbit Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan(USIM)